



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN ANTARA PELUANG BELAJAR DAN KETERLIBATAN
MURID DENGAN PENCAPAIAN DALAM MATA PELAJARAN KATERING
DI SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI MELAKA***

NOR YUZIE YUSUF

FPP 2014 42



**HUBUNGAN ANTARA PELUANG BELAJAR
DAN KETERLIBATAN MURID DENGAN
PENCAPAIAN DALAM MATA PELAJARAN
KATERING DI SEKOLAH MENENGAH DI
NEGERI MELAKA**

NOR YUZIE YUSUF

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2014



**HUBUNGAN ANTARA PELUANG BELAJAR DAN KETERLIBATAN
MURID DENGAN PENCAPAIAN DALAM MATA PELAJARAN KATERING
DI SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI MELAKA**

Oleh

NOR YUZIE YUSUF

**Tesis dikemukakan ke Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Teristimewa untuk
suami tercinta, anak-anak tersayang
dan
Ibu bapa yang dikasihi
kerana cukup memahami dan mengerti
arus perjuangan dalam
menyiapkan penulisan tesis ini.

Tidak lupa juga untuk
adik-beradik yang dikasihi
kerana memberi dorongan....
dengan izin Allah S.W.T dan doa restu kalian
akhirnya
dapat jua saya menyiapkan tesis ini.
Alhamdulillah, syukur....

Kejayaanku milik bersama!

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA PELUANG BELAJAR DAN KETERLIBATAN
MURID DENGAN PENCAPAIAN DALAM MATA PELAJARAN KATERING
DI SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI MELAKA**

Oleh

NOR YUZIE YUSUF

Februari 2014

Pengerusi : Profesor Madya Rosini Abu, Ed. D

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Peluang belajar merupakan salah satu faktor penting yang boleh mempengaruhi pencapaian murid. Peluang belajar dalam kajian ini terbahagi kepada dua dimensi, iaitu strategi pengajaran dan kecukupan sumber pengajaran. Keterlibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran juga memainkan peranan penting dan menjadi faktor kepada pencapaian murid. Keterlibatan dikaitkan dengan aktiviti murid di dalam bilik darjah atau semasa amali yang merangkumi tingkah laku, emosi dan kognitif. Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah peluang belajar dan keterlibatan murid dengan pencapaian dalam mata pelajaran Katering dan Penyajian (KP).

Kajian berbentuk deskriptif kuantitatif ini melibatkan 119 orang murid Katering di sekolah menengah akademik harian di negeri Melaka yang dipilih menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Kajian menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian termasuklah Soal Selidik Peluang Belajar, Soal Selidik Keterlibatan dan Maklumat Demografi Responden.

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, tahap peluang belajar murid KP adalah sederhana. Analisis korelasi pula mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peluang belajar dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran KP. Analisis berikutnya mendapati tahap keterlibatan murid adalah tinggi. Manakala analisis korelasi pula mendapati secara keseluruhannya terdapat hubungan yang signifikan dan sederhana antara keterlibatan murid dengan pencapaian. Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan sederhana antara keterlibatan emosi dan kognitif dengan pencapaian murid. Juga terdapat hubungan yang signifikan

dan rendah antara keterlibatan tingkah laku dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran ini. Analisis korelasi pula mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan rendah antara anggaran bilangan buku atau majalah berkaitan katering di rumah dengan pencapaian. Kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan ibubapa dengan pencapaian murid.

Berdasarkan dapatan kajian ini, dicadangkan supaya guru menekankan penggunaan strategi pengajaran ke dalam setiap mata pelajaran yang diajar di sekolah terutamanya dalam mata pelajaran KP. Selain itu, ia boleh digunakan sebagai sumber untuk merancang dan meningkatkan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Aspek yang berkaitan peluang belajar ini harus diberi perhatian bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam mata pelajaran KP. Antaranya, mendedahkan murid kepada strategi pengajaran seperti aktiviti di dalam bilik darjah atau amali, memenuhi keperluan khusus semasa amali, meningkatkan kemahiran murid, pendedahan dan penerangan berkaitan amali. Oleh itu, usaha dan pemantauan daripada pelbagai pihak seperti ibu bapa, guru dan pihak sekolah perlu bagi meningkatkan tahap peluang belajar murid dan mengekalkan tahap keterlibatan murid dalam mata pelajaran ini. Ini kerana, ketiga-tiga dimensi keterlibatan penting di dalam bilik darjah atau semasa amali.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN OPPORTUNITY TO LEARN AND STUDENT
ENGAGEMENT WITH ACHIEVEMENT IN CATERING SUBJECT IN
SCHOOLS IN MALACCA**

By

NOR YUZIE YUSUF

February 2014

Chairman : Associate Professor Rosini Abu, Ed. D

Faculty : Educational Studies

Opportunity to learn is one of the important factors that may affect the students' achievement. In this study opportunity to learn is divided into two dimensions, instructional strategy and instructional resources. The students' engagement in the teaching and learning also plays the important role as a factor in students' achievement. Whereas, the dimensions in the engagement variable include behavior, emotion and cognitive. The aim of this study is to determine relationship between the opportunity to learn and students' engagement with the achievement of Catering students.

This quantitative descriptive study recruited 119 Catering students selected from academic secondary daily schools in the state of Melaka using the random sampling method. The main instrument used in the study is a questionnaire. The instrument includes Opportunity to Learn Questionnaire, Students' Engagement Questionnaire and Demographic of Respondent.

The findings of this study indicated that, the level of opportunity to learn catering students is moderate. The result also showed that there is no significant relationship between the opportunity to learn with students' achievement in the subject of Catering and Service. Further analysis indicated that level of the students' engagement is high. Overall the finding showed that, there is a moderate and significant relationship between students' engagement and their achievement in the subject of Catering and Service. There is also a moderate and significant relationship between the emotion engagement and cognitive engagement with students' achievement. However there is a weak and significant relationship between behavior engagement with students' achievement in this subject. The correlation analysis between numbers of books owned by the students and achievement

showed a weak but significant correlation. The study also showed there is no significant relationship between the educations of parents with students' achievement.

Based on these findings, it is suggested that the teachers emphasize on the use of instructional strategy especially the Catering and Service in each subject that are taught in shools. Besides that, it can be used as a source to plan and improve quality teaching and learning. The aspects related to opportunity to learn should be given more attention to improve teaching and learning, especially in the subject of Catering and Service. For example to expose students on the use of instructional strategy especially the activities in the classroom or during practice, to give the specific needs, to improve the skills of students, and to explain and expose about the practical. Therefore, efforts and monitoring from parents, teachers and schools should be instilled in the opportunity to learn and maintain a level of students' engagement in this subject. This is because the three-dimensions of students' engagement is very important in the classroom or during practice.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah syukur ke hadrat yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, akhirnya tesis ini dapat disiapkan. Bersyukur juga diberi kekuatan, semangat serta kesabaran dalam menyiapkan tesis ini walaupun terpaksa menempuh pelbagai cabaran.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Rosini Abu di atas penyeliaan yang begitu teliti dan segala bimbingan yang diberikan menyumbang kepada kejayaan saya dalam menyempurnakan tesis ini. Kepakaran beliau juga merangsang semangat saya untuk menghasilkan tesis ini. Tidak lupa juga ucapan penghargaan kepada Prof. Dr. Aida Suraya Md Yunus di atas penyeliaan dan nasihat yang diberikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Mudah-mudahan jasa beliau diberkati dan hanya Allah yang mampu membalasnya.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang sudi memberi didikan ilmu sepanjang pengajian di peringkat Master. Tidak lupa juga penghargaan kepada pakar penilai kesahan kandungan instrumen iaitu, Prof. Madya Dr. Hapsah Nawawi dari Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM dan Puan Sarimah Mahmood iaitu guru Katering dan Penyajian dari Sekolah Menengah Sri Serdang, Selangor.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Melaka, pengetua-pengetua sekolah, guru-guru mata pelajaran Katering dan Penyajian dan para pelajar tingkatan lima sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Kerjasama yang diberikan dapat melancarkan lagi proses penyelidikan ini.

Kepada suami tercinta, Mohamad Harlizan Mohamad Darus yang memahami, prihatin dan sentiasa memberi sokongan di dalam susah dan senang. Anak-anak tersayang, Adam Hariz, Adam Hasif, Afiq Rifqi dan Arissa Naura mereka merupakan sumber inspirasi untuk melengkapkan penulisan tesis ini. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dikurniakan seorang ibu, Zainab Ismail dan ayah, Yusuf Hussain yang sentiasa memberi semangat. Tidak lupa juga kawan-kawan seperjuangan Dr. Zuraini Jusoh, Roshafiza Hassan dan Wan Noraine Wan Mohd Nor yang banyak membantu, terima kasih atas perkongsian ilmu kalian. Terima kasih semua kerana amat memahami usaha ini sehingga penyelidikan ini dapat dihasilkan. Semoga Allah S.W.T memberi taufik dan hidayah kepada semua.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 21 Februari 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nor Yuzie binti Yusuf bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Hubungan antara Peluang Belajar dan Keterlibatan Murid dengan Pencapaian dalam Mata Pelajaran Katering di Sekolah Menengah di Melaka" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Suhaida binti Abdul Kadir, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Ibrahim bin Nazri, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ramlah binti Hamzah, PhD
Profesor Madya Datin
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ruhizan Mohammad Yasin, PhD
Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NORITAH OMAR, PhD
Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 Julai 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Rosini Abu, Ed. D

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Aida Suraya Md Yunus, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nor Yuzie Yusuf (GS 23276)


Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____



JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
SENARAI SINGKATAN	xx

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Skop dan Batasan Kajian	13
1.8	Limitasi Kajian	13
1.9	Definisi Operasional	15
	1.9.1 Peluang Belajar	15
	1.9.2 Keterlibatan	16
	1.9.3 Mata Pelajaran Katering dan Penyajian	16
	1.9.4 Pencapaian	17
2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	18
2.2	Mata Pelajaran Katering dan Penyajian	18
2.3	Konsep Pencapaian Murid	20
2.4	Konsep dan Teori berkaitan Peluang Belajar	21
	2.4.1 Konsep Peluang Belajar	21
	2.4.2 Teori berkaitan Peluang Belajar oleh Brewer dan Stacz	23
2.5	Kajian Lepas berkaitan Peluang Belajar dengan Pencapaian	24
2.6	Konsep dan Teori Keterlibatan	27
	2.6.1 Konsep Keterlibatan	27
	2.6.2 Teori berkaitan Keterlibatan oleh Fredcricks, Blumenfeld dan Paris	29
	2.6.3 Teori berkaitan Keterlibatan oleh Yazzie-Mintz	30
	2.6.4 Teori Keterlibatan oleh Astin	30
2.7	Kajian Lepas berkaitan Keterlibatan dengan Pencapaian	32

2.8	Kajian Lepas berkaitan Latar Belakang Murid dengan Pencapaian	37
2.9	Kerangka Teori	39
2.10	Kerangka Konsep Kajian	39
2.11	Rumusan	41
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	42
3.2	Reka Bentuk Kajian	42
3.3	Lokasi Kajian	42
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	42
3.4.1	Pemilihan Saiz Sampel	43
3.4.2	Teknik Persampelan	43
3.5	Instrumen Kajian	44
3.5.1	Instrumen Peluang Belajar	45
3.5.2	Instrumen Keterlibatan Murid	47
3.5.3	Maklumat Demografi Responden	52
3.5.4	Pencapaian Murid	52
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	52
3.6.1	Kesahan	52
3.6.2	Kebolehpercayaan	53
3.7	Kajian Rintis	54
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	54
3.9	Analisis Data	55
3.9.1	Statistik Deskriptif	55
3.9.2	Statistik Inferensi	56
3.9.3	Rumusan Analisis Soalan Kajian	56
3.10	Rumusan	58
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	59
4.2	Latar Belakang Murid	59
4.2.1	Jantina	60
4.2.2	Bangsa	60
4.2.3	Gred KHB Semasa PMR	60
4.2.4	Mata Pelajaran Elektif KHB Semasa PMR	60
4.2.5	Kelulusan Akademik Tertinggi Ibu dan Bapa	60
4.2.6	Anggaran Bilangan Buku atau Majalah berkaitan Katering di Rumah	63
4.2.7	Keterlibatan Keluarga dalam Perkhidmatan Katering, Perniagaan atau Penjualan Makanan	63
4.2.8	Pengalaman Menjadi Pramusaji	64
4.2.9	Sebab Utama Kemasukkan/Pemilihan Mata Pelajaran Katering dan Penyajian	64
4.2.10	Bilangan Modul Katering dan Penyajian yang dipelajari	65
4.3	Peluang Belajar Murid Katering dan Penyajian	65

4.3.1	Strategi Pengajaran	65
4.3.2	Kecukupan Sumber Pengajaran	67
4.4	Keterlibatan Murid Katering dan Penyajian	68
4.3.1	Keterlibatan Tingkah Laku	68
4.3.2	Keterlibatan Emosi	69
4.3.3	Keterlibatan Kognitif	70
4.5	Pencapaian Murid Katering dan Penyajian	72
4.6	Hubungan antara Peluang Belajar (Strategi Pengajaran dan Kecukupan Sumber Pengajaran) dengan Pencapaian	73
4.7	Hubungan antara Keterlibatan (Tingkah Laku, Emosi dan Kognitif) dengan Pencapaian	73
4.8	Hubungan antar Latar Belakang Murid dengan Pencapaian	74
4.9	Rumusan	75
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	76
5.2	Rumusan	76
5.3	Perbincangan	78
5.3.1	Peluang Belajar Murid Katering dan Penyajian	78
5.3.2	Keterlibatan Murid Katering dan Penyajian	81
5.3.3	Pencapaian Murid Katering dan Penyajian	83
5.3.4	Latar Belakang Murid Katering dan Penyajian	83
5.4	Kesimpulan	85
5.5	Implikasi	86
5.6	Cadangan	87
5.7	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	88
	BIBLIOGRAFI	90
	LAMPIRAN	103
	BIODATA PELAJAR	119
	SENARAI PENERBITAN	120

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Item Peluang Belajar Katering dan Penyajian	45
3.2	Item Keterlibatan Murid Katering dan Penyajian	48
3.3	Analisis Kebolehpercayaan Soalan Soal Selidik bagi Peluang Belajar	53
3.4	Analisis Kebolehpercayaan Soalan Soal Selidik bagi Keterlibatan	53
3.5	Penentuan Kategori	56
3.6	Indikator Perkaitan bagi Dua Pemboleh ubah	56
3.7	Jadual Rumusan Analisis Soalan Kajian	57
4.1	Taburan Bilangan Sampel Berdasarkan Latar Belakang Murid	62
4.2	Taburan Frekuensi Murid Berdasarkan Anggaran Bilangan Buku atau Majalah berkaitan Katering di rumah	63
4.3	Taburan Frekuensi Keluarga Murid yang Terlibat dalam Perkhidmatan Katering, Perniagaan atau Penjualan Makanan	63
4.4	Taburan Frekuensi Murid yang Pernah Menjadi Pramusaji	64
4.5	Pemilihan Murid dalam Mata Pelajaran Katering dan Penyajian	64
4.6	Bilangan Modul Mata Pelajaran Katering dan Penyajian yang telah siap diajar oleh Guru	65
4.7	Persepsi Murid Tentang Kekerapan Peluang Belajar bagi Dimensi Strategi Pengajaran	66
4.8	Persepsi Murid Tentang Persetujuan Peluang Belajar bagi Dimensi Kecukupan Sumber Pengajaran	67

4.9	Persepsi Murid Tentang Kekerapan Keterlibatan dari Dimensi Tingkah Laku	69
4.10	Persepsi Murid Tentang Persetujuan Keterlibatan dari Dimensi Emosi	70
4.11	Persepsi Murid Tentang Persetujuan Keterlibatan dari Dimensi Kognitif	71
4.12	Taburan Gred Pencapaian Peperiksaan SPM 2011 bagi Mata Pelajaran Katering dan Penyajian	72
4.13	Hubungan antara Peluang Belajar (Strategi Pengajaran dan Kecukupan Sumber Pengajaran) dengan Pencapaian	73
4.14	Hubungan antara Keterlibatan (Tingkah Laku, Emosi dan Kognitif) dengan Pencapaian Murid dalam Mata Pelajaran Katering dan Penyajian	74
4.15	Hubungan antara Latar Belakang Murid dengan Pencapaian	75

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Kerangka Teori Kajian	39
2.2	Kerangka Konsep Kajian	41
3.1	Teknik Persampelan	44



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Senarai Penilaian Pengesahan	103
B	Surat Kebenaran	105
C	Instrumen kajian	106



SENARAI SINGKATAN

PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
KP	Katering dan Penyajian
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SP	Sisihan Piawai
p	signifikan
%	Peratus
n	Jumlah bilangan sampel yang dikaji

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan mengenai latar belakang kajian yang mengandungi pemboleh ubah peluang belajar, keterlibatan dan pencapaian murid dalam mata pelajaran Katering dan Penyajian (KP). Seterusnya persoalan berkenaan mengapa kajian ini dijalankan dihuraikan dalam bahagian pernyataan masalah diikuti dengan objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, limitasi kajian dan definisi operasional.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sektor pendidikan di Malaysia khususnya dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) telah mengalami transformasi dalam pelbagai dimensi. Salah satunya melahirkan modal insan bertaraf global yang mempunyai daya saing tinggi serta berkemahiran. Ini bertepatan dengan matlamat transformasi pendidikan vokasional yang telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri ialah mewujudkan sistem pendidikan vokasional baharu digerakkan oleh sumber manusia yang responsif kepada pelbagai inisiatif kerajaan dan berkolaborasi dengan industri bagi menginovasi pengajaran dan pembelajaran yang berupaya menghasilkan tenaga kerja mahir dan usahawan. Tenaga kerja mahir dan usahawan mestilah yang berdaya saing, memiliki kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf, berwatak profesional dan diterima oleh pasaran kerja. Transformasi pendidikan vokasional merupakan usaha merekayasa (*reengineering*) sistem pendidikan vokasional sedia ada sehingga terbina sistem pendidikan vokasional baharu yang dapat menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) khususnya dalam bidang PTV telah diberi tumpuan untuk melahirkan tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang pekerjaan. Oleh itu, KPM telah menyediakan lebih banyak sekolah Teknik dalam Rancangan Malaysia Kelima dan Rancangan Malaysia Keenam sebagai langkah awal kerajaan bagi melahirkan tenaga mahir dan separa mahir seperti yang dikehendaki oleh sektor perindustrian negara (Yahya Emat, 1993).

Sekolah aliran teknik dan vokasional telah ditubuhkan dan diletakkan di bawah bidang PTV. Menurut UNESCO (2002), PTV merupakan salah satu wadah lestari dalam menyediakan tenaga kerja yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara dalam konteks sosial, budaya dan ekonomi. Selain itu, PTV juga memberi peluang kepada murid yang mempunyai kecenderungan dalam pendidikan sains dan teknologi untuk memenuhi

tenaga kerja dalam bidang industri negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002). Maka, penubuhan sekolah aliran teknik dan vokasional adalah perlu untuk membolehkan murid mendapatkan pekerjaan seperti tenaga mahir dan separuh mahir (Nurul Nadya Abu Bakar, Rohana Hamzah dan Amirmudin Udin, 2011).

Pembangunan Pendidikan Malaysia 2001-2010 bermatlamat membudayakan sains dan teknologi serta memperkembangkan PTV (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Untuk memenuhi matlamat tersebut Malaysia memfokuskan tahun 2020 menjadi sebuah negara yang berstatus negara maju. Kenyataan Ahamad Sipon (2003) jelas menunjukkan dalam memfokuskan ke arah sebuah negara maju, maka pendidikan yang bercorak teknik dan vokasional merupakan satu cabang aliran pendidikan yang mampu untuk menampung kehendak tersebut.

Bagi mencapai kehendak tersebut, PTV memainkan peranan penting dengan memberi peluang belajar kepada murid yang mempunyai kecenderungan dalam pendidikan sains dan teknologi. Peluang belajar ini dapat memenuhi tenaga mahir dalam bidang teknikal. Selain itu, keterlibatan murid dalam proses pendidikan juga memainkan peranan dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh semasa di sekolah. Oleh itu, PTV merupakan satu sistem pendidikan yang menyediakan latihan khusus untuk kemahiran teknikal dan kemahiran lain. Di Malaysia, PTV diperkenalkan pada tahun 1964 di bawah Jabatan Pengurusan Teknik (Yahya Emat, 2005). Kini, Jabatan Pengurusan Teknik dikenali sebagai Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV). Tujuannya adalah untuk menyediakan murid memasuki bidang pekerjaan sebagai salah satu langkah kerajaan mempergiatkan lagi usaha memajukan bidang ekonomi dalam perindustrian.

Pada awalnya PTV didefinisikan sebagai bidang pendidikan pengkhususan yang dirancang bagi menyediakan pelajar kemasukan ke dalam sesuatu pekerjaan, kumpulan pekerjaan atau menaik taraf pekerja (Weinrich & Weinrich 1974). Kemudian, definisi PTV bersifat lebih mendalam yang mana Konvensyen PTV pada tahun 1989 oleh UNESCO telah mendefinisikan PTV sebagai semua bentuk dan tahap proses pendidikan sebagai tambahan kepada pengetahuan umum, pengajian berkaitan teknologi dan sains, pemerolehan kemahiran praktik, sikap dan pemahaman berkaitan pekerjaan di dalam pelbagai sektor ekonomi dan kehidupan sosial.

Manakala merujuk kepada portal rasmi (BPTV) di KPM, PTV adalah untuk memberi akses, ekuiti dan pendidikan yang berkualiti kepada murid yang mempunyai kecenderungan, kebolehan, minat dan bakat dalam bidang teknik, vokasional dan kemahiran. Terdapat dua perspektif yang berkaitan dengan PTV, iaitu pendidikan vokasional berasaskan pekerjaan yang berpusatkan kepada tempat kerja dan berkaitan dengan sesuatu pekerjaan, dan pendidikan vokasional berasaskan sekolah seperti sekolah akan membekalkan murid dengan kemahiran dan latihan asas kepekerjaan.

Pendidikan ini mewujudkan sumber tenaga mahir yang relevan dengan permintaan pasaran (Lauglo, 1988).

Objektif utama penubuhan PTV adalah untuk mengembangkan minat dan menghargai bidang sains dan teknologi. Ini merupakan asas kepada murid yang berminat untuk meneruskan PTV ke tahap yang lebih tinggi supaya dapat mengembangkan kemahiran, tabiat kerja, sikap dan tanggungjawab mereka supaya dapat bekerja dalam bidang yang sesuai dengan kemahiran dan dapat membantu industri dan permodenan dengan menyediakan sumber manusia yang diperlukan untuk memenuhi tenaga kerja Malaysia (Pendidikan Teknik dan Vokasional, 1992).

Terdapat lima bidang yang dikelompokkan dalam PTV. Salah satunya ialah bidang Ekonomi Rumah Tangga (ERT). Mata pelajaran KP merupakan salah satu mata pelajaran yang diletakkan di bawah bidang ERT dan telah diperkenalkan pada tahun 2002. Mata pelajaran KP adalah mata pelajaran elektif vokasional di sekolah menengah akademik harian. Mata pelajaran ini berorientasikan aktiviti amali dan berteraskan kepada penggunaan teknologi yang ditawarkan kepada murid tingkatan empat dan lima. Mata pelajaran ini juga merupakan lanjutan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) yang ditawarkan di peringkat menengah rendah. Mata pelajaran ini digubal untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara dengan membekalkan tenaga mahir yang berpengetahuan dalam bidang teknologi makanan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Mata pelajaran KP merupakan bidang teknologi makanan yang merangkumi dua unsur utama, iaitu katering dan penyajian. Dalam bidang katering, murid mempraktikkan kemahiran menyediakan, memasak, menghias, menghidang dan mengepek makanan. Manakala, bidang penyajian pula melibatkan murid menggunakan peralatan menghidang yang sesuai, menyediakan perunggu meja, menggubah bunga, melipat napkin dan mempraktikkan hubungan pramusaji dengan pelanggan. Pengiraan kos juga dibuat semasa murid menjalankan amali.

Penawaran mata pelajaran KP merupakan usaha KPM untuk memperluaskan PTV di sekolah akademik. Penubuhan sekolah ini memberi peluang kepada murid untuk meneruskan pengajian dalam bidang kemahiran. Hal ini kerana, pemilihan mata pelajaran ini dibuat sendiri oleh murid (Ahamad Sipon, 2003). Oleh itu, murid seharusnya pandai mengambil peluang dan belajar dengan bersungguh-sungguh (Mohd Saufi Ab Rahman, 2004).

Mata pelajaran KP dianggap penting dan menyumbang kepada tenaga mahir dalam industri makanan. Akta Pendidikan 1996 yang digubal telah menggariskan PTV sebagai persediaan murid untuk latihan kemahiran, latihan khusus yang berkaitan dengan pekerjaan tertentu dan latihan bagi meningkatkan kemahiran sedia ada (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

Selain itu, mata pelajaran KP juga sebagai persediaan kepada murid untuk mendapatkan pengetahuan asas dalam bidang catering.

Dalam pembelajaran KP, sebanyak 12 waktu diperuntukkan dalam seminggu termasuk kelas amali. Biasanya bilangan murid di dalam sesebuah kelas KP adalah antara 20 hingga 25 orang. Bilangan ini tidak boleh melebihi 25 orang kerana mata pelajaran ini berbentuk amali. Setiap sekolah yang mempunyai mata pelajaran KP mesti mempunyai kemudahan bengkel, bilik yang boleh diubah suai serta mempunyai ruang fizikal yang mencukupi (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Latar belakang guru juga penting kerana guru yang mengajar mata pelajaran ini mestilah mempunyai kelayakan yang sesuai dan mempunyai minat dalam bidang ini. Guru mata pelajaran KP perlu diberi latihan kemahiran yang berkaitan dari semasa ke semasa. Hal ini kerana, guru yang berpengalaman lebih berkesan pengajarannya (Goldhaber, 2002). Selain itu, bagi membantu guru dalam mengendalikan kerja amali, sekolah juga telah mendapatkan tenaga pengajar sambilan yang mahir. Sekiranya keperluan ini dipenuhi, peluang belajar yang lebih baik akan diperolehi murid dan akan meningkatkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran KP.

Mata pelajaran KP mencapai kelulusan seratus peratus dalam peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM), bagaimanapun bilangan murid yang mendapat keputusan cemerlang adalah kurang. Analisa keputusan peperiksaan SPM selama dua tahun dari sekolah menengah akademik harian di Melaka menunjukkan bilangan murid yang mendapat cemerlang iaitu A+, A dan A- kurang dari 13% dari jumlah murid yang mengambil mata pelajaran itu. Proses pembelajaran dalam mata pelajaran tersebut memerlukan keterlibatan murid dalam bilik darjah atau pun amali. Semasa kelas amali pelajar didedahkan kemahiran yang berkait rapat dengan teori dalam kelas. Keterlibatan murid dalam kelas amali boleh meningkatkan peluang belajar murid dan pencapaian mereka dalam mata pelajaran tersebut. Dapatan kajian Mo (2008), terhadap peluang belajar dan keterlibatan murid dalam mata pelajaran Sains mendapati bahawa peluang belajar dan keterlibatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian murid. Murid akan akan melibatkan diri dalam aktiviti *hands-on* walaupun terdapat kesukaran pada topik tersebut. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menentukan hubungan antara peluang belajar dan keterlibatan murid dengan pencapaian mata pelajaran KP di sekolah menengah dalam negeri Melaka.

Peluang belajar merupakan salah satu pemboleh ubah yang kritikal untuk menentukan pencapaian murid (Thompson & Senk, 2009) dan salah satu faktor penting yang boleh mempengaruhi pencapaian murid (Kilpatrick, Swafford & Findell, 2001). Murid yang mempunyai peluang belajar semasa pembelajaran akan mempunyai sikap positif terhadap subjek yang dipelajari mereka dan ini akan mewujudkan persekitaran kondusif di dalam bilik darjah yang memberi faedah kepada semua murid (Netsai, 2011).

Wallace (2009) berpendapat persekitaran di dalam bilik darjah merupakan peluang belajar murid yang membolehkan murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran. Bagaimanapun, guru memainkan peranan semasa di dalam bilik darjah. Mengikut Netsai (2011) faktor persekitaran di dalam bilik darjah bergantung kepada guru kerana guru boleh mempengaruhi murid semasa pembelajaran berlaku. Oleh itu, setiap guru perlu mempunyai input dan pengetahuan yang mencukupi berkaitan pengajaran dan pembelajaran supaya guru dapat menarik perhatian murid dan memberi peluang belajar kepada mereka.

Kebanyakan kajian tentang peluang belajar dilakukan terhadap pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Mokhele, 2007). Peluang belajar mempunyai definisi yang meluas dan pelbagai. Peluang belajar digambarkan sebagai pertindihan kandungan pengajaran yang diajar dengan kandungan yang diuji (Reeves & Muller, 2005), persekitaran di dalam bilik darjah yang menggalakkan pembelajaran murid (Cooper & Liou, 2007). Manakala Grant (2006) pula berpendapat peluang belajar bermaksud kandungan dan kemahiran yang disediakan untuk murid bagi mencapai kejayaan. Oleh sebab itu, peluang belajar merupakan salah satu faktor penting yang boleh memberi kesan kepada pencapaian murid (Tornroos, 2005). Peluang belajar sering dikaitkan dengan persekitaran di sekolah atau di dalam bilik darjah yang boleh meningkatkan pencapaian murid.

Mengikut pandangan Brewer dan Stacz (1996), terdapat tiga dimensi dalam peluang belajar, iaitu kandungan kurikulum, strategi pengajaran dan sumber pengajaran. Kandungan kurikulum merujuk kepada topik atau tajuk yang spesifik yang perlu diajar kepada murid yang mana topik tersebut akan dinilai. Strategi pengajaran pula untuk melihat sama ada murid dibekalkan dengan jenis pengalaman dan pengajaran yang telah disediakan untuk kejayaan mereka. Manakala sumber pengajaran pula persediaan guru dan sumber bahan dalam pengajaran.

Bagi mata pelajaran lain, buku teks disediakan kepada murid, namun untuk mata pelajaran KP murid hanya dapat merujuk modul KP yang disediakan. Modul ini sangat penting kerana ia membantu murid untuk menguasai kemahiran semasa amali dan juga sumber rujukan terhadap panduan kerja, maklumat rujukan dan penilaian. Setiap murid perlu menguasai sekurang-kurangnya tiga modul KP daripada 11 modul yang dipelajari mereka semasa tingkatan empat dan lima. Pengambilan tiga modul ini iaitu 40%, membolehkan mereka menduduki peperiksaan SPM. Peratusan ini menunjukkan murid melibatkan diri semasa amali. Sekiranya murid melibatkan diri atau mempelajari lebih modul daripada yang diperlukan, murid akan diberikan sijil modular. Memandang mata pelajaran ini berbentuk amali, banyak masa digunakan semasa amali malah, bahagian teori banyak diserapkan semasa amali secara tidak langsung. Sekiranya murid dapat menguasai kemahiran semasa amali maka, murid dapat menjawab penilaian secara bertulis kerana penilaian ini merupakan refleksi daripada aktiviti

semasa amali. Oleh itu kecukupan sumber pengajaran penting bagi pembelajaran murid KP.

Murid biasanya mempunyai peluang belajar yang tinggi sekiranya guru menggunakan strategi pengajaran yang berkesan dan mempunyai sumber pengajaran yang mencukupi. Strategi pengajaran termasuklah kemahiran dan pengalaman guru semasa pengajaran manakala kecukupan sumber pengajaran merangkumi bahan pengajaran yang dibekalkan, kemudahan seperti internet serta rujukan lain seperti majalah berkaitan dengan masakan dan peralatan yang sesuai yang boleh meningkatkan pencapaian murid. Mengikut Grouws dan Cebulla (2000) guru perlu memastikan bahawa peluang belajar yang diberikan kepada murid mengikut kepentingan kandungan dan kemahiran semasa belajar. Sebaliknya, McDonnell (1995), peluang belajar bukan sahaja untuk mengukur kandungan kurikulum tetapi juga untuk menunjukkan bahan yang dibentangkan untuk murid.

Mengikut Mereku (2005) peluang belajar berbeza dari segi pembelajaran dan tidak ada definisi yang diterima secara universal tentang peluang belajar. Mereku (2005) telah mendefinisikan peluang belajar sebagai kriteria, dasar kecukupan dan sumber kualiti, amalan dan keadaan yang diperlukan pada setiap peringkat sistem pendidikan untuk menyediakan semua murid dengan peluang belajar dengan mempelajari bahan dan kurikulum. Murid yang mempunyai peluang belajar yang baik boleh memberi kesan terhadap pencapaian mereka (Porter, 1991). Guru perlu memastikan peluang belajar murid KP mencukupi bagi memastikan mereka dapat menjalankan amali dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Oleh itu, pemboleh ubah peluang belajar perlu dikaji untuk mengenal pasti sejauh mana pemboleh ubah peluang belajar mempunyai hubungan dengan pencapaian murid.

Kajian ini hanya melibatkan dua daripada tiga dimensi untuk mengukur peluang belajar seperti seperti yang diutarakan oleh Brewer dan Stacz (1996) iaitu strategi pengajaran dan sumber pengajaran.

Keterlibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran juga memainkan peranan penting dan menjadi faktor pencapaian (Stewart, 2007). Mengikut Aniesah (2010) keterlibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu cara motivasi yang berkesan. Guru berperanan menjadikan keterlibatan murid bererti serta menggalakkan dan keterlibatan itu menyumbang secara positif kepada proses dan hasil pembelajaran (Newcomb, McCracken & Warmbrod, 2004). Keterlibatan murid semasa di dalam bilik darjah akan meningkatkan proses pembelajaran dan memberi kesan kepada pengajaran yang berkaitan dengan KP. Melalui pembelajaran ini, murid boleh mempraktis apa yang telah dipelajari di sekolah dan mendorong mereka untuk mencuba pelbagai aktiviti yang berkaitan.

Menurut Astin (1999), pemboleh ubah keterlibatan merupakan jumlah tenaga fizikal dan psikologi yang diberikan oleh murid bagi mendapatkan pengalaman di dalam akademik. Mengikut teori keterlibatan Astin, jumlah

keterlibatan murid mempengaruhi pengetahuan yang diperoleh mereka. Ini bermakna, lebih kerap murid melibatkan diri dengan aktiviti di dalam bilik darjah atau amali, maka lebih banyak pengetahuan yang akan diperoleh oleh mereka. Oleh sebab itu, keterlibatan murid semasa di dalam bilik darjah atau semasa amali dijalankan sangat penting untuk memberi pendedahan kepada murid mengenai topik atau modul yang diajar. Menurut Mohd Nordin Abu Bakar, Ramlee Mustapha dan Mohammed Sani Ibrahim (2011), proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran vokasional serta kerja amali menyumbang secara signifikan kepada pencapaian akademik murid yang mengikuti mata pelajaran vokasional. Kemahiran yang digunakan semasa menjalankan amali KP penting kerana murid perlu seiring dengan kehendak industri yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang relevan dengan pengurusan makanan atau bidang masakan.

Proses pembelajaran dalam mata pelajaran KP memerlukan keterlibatan murid di dalam bilik darjah atau semasa amali. Keterlibatan murid di dalam bilik darjah atau semasa amali boleh meningkatkan kefahaman murid dan mereka akan melibatkan diri dalam mata pelajaran tersebut. Ini kerana kerja amali merupakan 70% daripada keseluruhan topik yang diajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Murid didedahkan kepada pelbagai aktiviti yang menjurus kepada kerja amali. Pendedahan ini boleh meningkatkan kemahiran dan pengetahuan murid apabila mereka menceburkan diri dalam industri sebenar nanti.

Keterlibatan murid semasa di bilik darjah atau semasa amali KP merupakan satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti ini menyediakan murid kepada keadaan sebenar yang berlaku apabila mereka bekerja nanti. Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, murid KP mempunyai banyak masa semasa kelas teori mahupun amali kerana sebanyak 480 minit masa pembelajaran yang diperuntukkan untuk tempoh seminggu. Kelas amali mesti dikendalikan dalam waktu persekolahan, iaitu mengikut kesesuaian jadual yang ditetapkan oleh guru. Pengalaman keterlibatan di dalam bilik darjah atau semasa amali membolehkan murid mempraktikkan pengalaman tersebut apabila bekerja nanti. Hal ini kerana apa yang mereka pelajari berasaskan kepada konsep dan prinsip yang dipelajari.

Pemboleh ubah keterlibatan terbahagi kepada tiga dimensi, iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif (Fredricks, Blumenfeld & Paris, 2004; & Yazzie-Mint, 2007). Dimensi keterlibatan tingkah laku bermaksud menyiapkan tugas, melibatkan diri di dalam bilik darjah dan amali sains serta melakukan aktiviti tambahan manakala dimensi keterlibatan emosi pula berkaitan minat atau efikasi terhadap mata pelajaran (Newmann, Wehlage & Lamborn, 1992). Kajian oleh Fredricks et al. (2004) menyatakan dimensi keterlibatan tingkah laku seperti keterlibatan murid semasa melakukan tugas yang diberikan dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Dimensi keterlibatan emosi ialah sikap yang menguji perasaan murid terhadap sekolah, guru, mata pelajaran atau kerja sekolah dan keterlibatan kognitif pula motivasi, usaha atau strategi. Hal ini, menyebabkan keterlibatan seorang murid dalam aktiviti pembelajaran memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian murid

(Stewart, 2007). Ini disokong oleh Fallon (2010) yang mendapati murid yang mempunyai keterlibatan yang tinggi dalam pembelajaran akan menunjukkan pencapaian yang tinggi.

Kajian ini hanya melibatkan tiga dimensi untuk mengukur keterlibatan murid seperti seperti yang diutarakan oleh Fredricks et al. (2004) dan Yazzie-Mint (2007) iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif.

Salah satu faktor kejayaan murid dalam mata pelajaran KP di dalam bilik darjah ialah latar belakang murid. Terdapat banyak faktor yang telah dikenal pasti boleh mempengaruhi pencapaian murid. Antaranya adalah pendidikan ibu bapa (Woesmann, 2004; Mo, 2008 & Zahyah Hanafi, 2008), jumlah buku (Woesmann, 2004 & Mo, 2008) dan bahan bacaan (Zahyah Hanafi, 2008). Namun begitu, hanya sedikit sahaja yang dapat dilakukan terhadap latar belakang ini kerana pemboleh ubah ini tidak dapat diubah. Oleh itu, latar belakang murid boleh digunakan untuk meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran. Ini kerana latar belakang murid seperti ibu bapa yang mempunyai pendidikan yang tinggi adalah cenderung untuk memberi sokongan terhadap pendidikan anak-anak dan ini dapat meningkatkan pencapaian akademik anak-anak mereka (Mullis, Rathge & Mullis, 2003).

Kajian oleh Zahyah Hanafi (2008) juga mendapati tahap pendidikan ibu dan bapa memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian anak-anak mereka. Misalnya Trusty (2000) mendapati apabila ibu bapa mempunyai tahap pendidikan yang tinggi maka, mereka berupaya mengaitkan bahan pendidikan dengan kemajuan pendidikan anak-anak berbanding dengan ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah.

Kajian oleh Woesmann (2004), Mo (2008) dan Zahyah Hanafi (2008) mendapati tahap pendidikan ibu bapa adalah konsisten dan berkait rapat dengan pencapaian akademik anak-anak. Setiap murid mempunyai pencapaian yang berbeza kerana mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang. Kajian ini melibatkan tiga dimensi untuk mengukur latar belakang murid seperti yang diutarakan oleh Woesmann (2004), Mo (2008) dan Zahyah Hanafi (2008) iaitu anggaran bilangan buku atau majalah berkaitan katering di rumah, kelulusan akademik tertinggi ibu dan kelulusan akademik tertinggi bapa.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian lepas menunjukkan bahawa pemboleh ubah peluang belajar, keterlibatan dan latar belakang mempengaruhi pencapaian murid. Dimensi peluang belajar merangkumi strategi pengajaran dan kecukupan sumber pengajaran. Dimensi keterlibatan murid pula terdiri daripada tingkah laku, emosi dan kognitif. Manakala, dimensi latar belakang murid terdiri daripada anggaran bilangan buku atau majalah berkaitan katering di rumah, dan

kelulusan akademik tertinggi ibu bapa. Menurut Mo (2008), peluang belajar dengan pencapaian murid adalah berbeza bagi setiap murid berdasarkan maklumat latar belakang. Beliau menegaskan bahawa peluang belajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sains. Kajian Collie-Patterson (2000), Abedi, Courtney, Leon, Kao dan Azzam (2006), Cueto, Ramirez dan Leon (2006) dan Boscardin, Agguire-Munoz, Stoker, Kim, Kim dan Lee (2005) turut menyokong bahawa peluang belajar mempunyai hubungan dengan pencapaian murid.

Di samping peluang belajar, keterlibatan murid dikatakan turut menyumbang kepada pencapaian murid (Mo, 2008). Fredricks et al. (2004) berpendapat bahawa keterlibatan murid dan pencapaian adalah berkait rapat. Menurut Sbrocco (2009), Fallon (2010), Wang dan Halcombe (2010) terdapat hubungan antara keterlibatan dengan pencapaian murid. Namun, berbeza dengan Screiber dan Chambers (2002) yang mendapati bahawa keterlibatan murid di sekolah tidak mempunyai hubungan dengan gred purata keseluruhan murid.

Dalam menentukan pencapaian dalam sesuatu mata pelajaran, antara faktor yang telah dikenal pasti adalah peluang belajar dan keterlibatan murid semasa aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah atau amali (Mo, 2008). Murid biasanya akan memperoleh keputusan yang cemerlang sekiranya mereka diberikan peluang belajar dan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Finn & Voelkl, 1993). Ini disokong oleh Jaafar (2006) yang menyatakan bahawa peluang belajar adalah faktor penting yang boleh menyokong kepada pencapaian murid. Manakala, Fredricks et al. (2004) mendapati pemboleh ubah keterlibatan dan pencapaian saling berkait antara satu sama lain.

Namun, apa yang didapati kini pencapaian dalam mata pelajaran KP masih belum mencapai tahap yang membanggakan. Kajian oleh Sarimah Ismail dan Farawahida Yassin (2010), mendapati walaupun mata pelajaran ini telah dilaksanakan selama tujuh tahun namun, masih banyak sekolah belum mencapai 100%. Malah, hasil kajian mereka juga mendapati sebanyak 95.4% guru menyatakan masih terdapat kekangan dari aspek pengetahuan dan kemahiran (strategi pengajaran) serta 74.7% guru-guru bersetuju terdapat kekangan dari segi kemudahan kelengkapan (sumber pengajaran) semasa amali. Kajian oleh Norlizah Jantan (2004) mendapati terdapat beberapa masalah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang masakan khususnya mata pelajaran KP di mana guru menghadapi masalah disiplin pelajar, bahan rujukan untuk guru dan murid tidak mencukupi dan bantuan alat mengajar.

Begitu juga dengan analisis peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi keseluruhan calon Kementerian Pelajaran Malaysia yang mengambil mata pelajaran KP di negeri Melaka menunjukkan murid yang lulus dengan cemerlang (A+, A dan A-) pada tahun 2009 adalah sebanyak 12.1% dan diikuti 10.2% pada tahun 2010. Peratus pencapaian murid dalam kategori lulus dengan cemerlang adalah sedikit berbanding dengan jumlah bilangan

calon yang menduduki peperiksaan SPM, iaitu seramai 182 orang pada tahun 2009 dan 185 orang pada tahun 2010 sedangkan sebahagian daripada mereka mempunyai latar belakang dalam bidang masakan semasa PMR. Mengikut Laporan Prestasi SPM (2003) masih terdapat calon yang lemah dalam menguasai prosedur, pengiraan dan kemahiran mengenal pasti alatan serta bahan yang digunakan. Selain itu, calon juga lemah dalam mengenal pasti fakta dan isi pelajaran dengan situasi yang dikemukakan dalam soalan.

Dalam kajian ini, antara masalah yang dinyatakan di atas dapat diperhatikan melalui pemboleh ubah peluang belajar yang merangkumi strategi pengajaran yang sesuai dan kecukupan sumber pengajaran. Dimensi strategi pengajaran guru berdasarkan persepsi murid antaranya merangkumi jenis pengalaman dan pengajaran, dan kemahiran berkaitan dengan masakan. Manakala, kecukupan sumber pengajaran pula seperti buku teks, modul, bahan rujukan dan peralatan. Oleh itu, penggunaan strategi pengajaran guru yang sesuai dan kecukupan dari segi sumber pengajaran diharapkan akan mempengaruhi keterlibatan murid dalam pembelajaran, iaitu merangkumi tingkah laku, emosi dan kognitif. Murid mempelajari mata pelajaran ini selama 480 minit seminggu. Sepatutnya mereka mempunyai keterlibatan yang baik kerana waktu pembelajaran yang agak lama. Keterlibatan murid di dalam bilik darjah atau semasa amali penting kerana sebahagian besar daripada penilaian untuk peperiksaan SPM adalah berdasarkan kerja-kerja amali.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan antara peluang belajar, keterlibatan dan latar belakang murid dengan pencapaian mata pelajaran KP. Diharapkan kajian ini dapat mengenal pasti permasalahan sebenar dan mengatasinya agar matlamat asal mata pelajaran ini ditawarkan tercapai.

1.4 Objektif Kajian

Secara umum, kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah peluang belajar dan keterlibatan berdasarkan persepsi murid dengan pencapaian mata pelajaran KP. Manakala, objektif secara khusus adalah seperti berikut:

- 1) Mengetahui tahap peluang belajar (strategi pengajaran dan kecukupan sumber pengajaran) murid dalam mata pelajaran Katering dan Penyajian.
- 2) Mengetahui tahap keterlibatan (tingkah laku, emosi dan kognitif) murid dalam mata pelajaran Katering dan Penyajian.
- 3) Mengetahui tahap pencapaian murid dalam mata pelajaran Katering dan Penyajian.

- 4) Menentukan hubungan antara peluang belajar (strategi pengajaran dan kecukupan sumber pengajaran) dengan pencapaian mata pelajaran Katering dan Penyajian.
- 5) Menentukan hubungan antara keterlibatan (tingkah laku, emosi dan kognitif) murid dengan pencapaian mata pelajaran Katering dan Penyajian.
- 6) Menentukan hubungan antara pemboleh ubah latar belakang murid (anggaran bilangan buku atau majalah berkaitan katering di rumah, kelulusan akademik tertinggi ibu dan kelulusan akademik tertinggi bapa) dengan pencapaian mata pelajaran Katering dan Penyajian.

1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian telah dikemukakan sebagai panduan untuk mencapai objektif kajian di atas. Persoalan kajian berdasarkan objektif kajian ialah:

- 1) Sejauh manakah tahap peluang belajar murid dari dimensi strategi pengajaran dan kecukupan sumber pengajaran dalam mata pelajaran Katering dan Penyajian?
- 2) Sejauh manakah tahap keterlibatan murid dari dimensi tingkah laku, emosi dan kognitif dalam mata pelajaran Katering dan Penyajian?
- 3) Sejauh manakah tahap pencapaian murid dalam mata pelajaran Katering dan Penyajian?
- 4) Adakah terdapat hubungan antara peluang belajar (strategi pengajaran dan kecukupan sumber pengajaran) dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Katering dan Penyajian?
- 5) Adakah terdapat hubungan antara keterlibatan (tingkah laku, emosi dan kognitif) dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Katering dan Penyajian?
- 6) Adakah terdapat hubungan antara latar belakang murid (anggaran bilangan buku atau majalah berkaitan katering di rumah, kelulusan akademik tertinggi ibu dan kelulusan akademik tertinggi bapa) dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Katering dan Penyajian?

1.6 Kepentingan Kajian

Katering dan Penyajian (KP) merupakan salah satu mata pelajaran elektif yang baru diperkenalkan di peringkat sekolah menengah pada tahun 2002. Oleh itu, sekolah berperanan memastikan proses pengajaran dan

pembelajaran berlaku dengan berkesan. Keberkesanan pengajaran boleh dilihat berdasarkan pencapaian murid. Oleh itu, kajian ini perlu diketengahkan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid. Pengukuran pemboleh ubah peluang belajar dan keterlibatan murid adalah penting untuk melihat sama ada pemboleh ubah ini boleh mempengaruhi pencapaian murid.

Kajian ini dilakukan untuk menjelaskan hubungan antara peluang belajar dan keterlibatan murid dengan pencapaian murid KP. Kajian ini akan memberi gambaran bahawa peluang belajar yang berkesan dapat membantu murid memahami proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Manakala, keterlibatan pula dapat mempengaruhi murid dalam meningkatkan kefahaman mereka dalam KP.

Melalui dapatan kajian ini, diharapkan dapat membantu murid memahami peranan peluang belajar dalam mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran KP. Murid akan dapat mengenal pasti dengan lebih jelas peluang belajar yang sesuai digunakan oleh mereka semasa mempelajari mata pelajaran KP. Dengan itu, murid secara tidak langsung memperoleh pengalaman dalam peluang belajar dan dapat mempraktikkan apa yang diperoleh dalam mata pelajaran yang lain. Selain itu dapatan kajian ini dapat mengukur keterlibatan murid semasa di dalam bilik darjah mahu pun amali. Dapatan yang positif dapat menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif semasa pembelajaran.

Guru merupakan orang yang paling hampir dengan murid ketika berada di sekolah. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberi panduan kepada guru yang mengajar mata pelajaran KP dalam memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang wujud semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Antaranya guru perlu memahami dan boleh mengaplikasi peluang belajar dan juga keterlibatan murid berdasarkan kemampuan atau kebolehan murid mereka terutama dalam pencapaian mata pelajaran KP. Guru juga perlu tahu tentang kepentingan peluang belajar di peringkat sekolah dalam usaha mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran murid dalam peluang belajar. Hasil kajian ini juga dapat membantu guru menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran ini lebih berkesan.

Dapatan kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (JPNM) dan KPM dalam mengenal pasti peluang belajar dan keterlibatan yang berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid KP terutamanya dalam bidang PTV itu sendiri. Ini perlu dilihat sama ada murid KP mendapat peluang belajar dalam pembelajaran yang diperoleh sepanjang pengajaran guru yang benar-benar berpengalaman dalam bidang ini dan keterlibatan murid di dalam bilik darjah. Hasil kajian ini juga dapat memberi idea atau cadangan dalam meningkatkan peluang belajar yang telah sedia ada pada masa kini. Antaranya seperti pihak sekolah dapat menilai usaha ke arah meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran KP di setiap sekolah. Pihak sekolah juga perlu memastikan strategi pengajaran guru dalam mata pelajaran ini. Selain itu, pihak sekolah perlu

mengenal pasti segala kemudahan kelengkapan mencukupi semasa pembelajaran sama ada di bilik darjah atau pun amali.

Hasil atau maklumat yang diperolehi daripada kajian ini juga akan dapat membantu pihak JPNM dan KPM dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran KP. Pihak JPNM dan KPM juga dapat memantau sejauh mana tahap permasalahan ini dari segi peluang belajar dan keterlibatan murid semasa di bilik darjah mahu pun amali. Justeru itu, JPNM dan KPM dapat mengambil tindakan sewajarnya dan dengan ini mutu pengajaran dan pembelajaran terutama murid yang mengambill mata pelajaran KP dapat dipertingkatkan.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa batasan kajian telah dikenal pasti. Kajian ini hanya terbatas kepada murid tingkatan lima yang mengikuti mata pelajaran KP bagi peperiksaan SPM 2011 di sekolah menengah akademik harian di Melaka. Oleh itu, hasil dapatan kajian tidak dapat digunakan untuk membuat rumusan ke atas murid di peringkat lain. Seramai 119 orang murid dipilih sebagai responden dengan melibatkan tujuh buah sekolah. Saiz sampel yang terhad ini menyebabkan dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan secara menyeluruh kepada semua sekolah menengah akademik harian di Malaysia. Kajian ini terbatas kepada sekolah yang menawarkan mata pelajaran KP tingkatan lima. Majoriti sekolah hanya menawarkan satu kelas KP sahaja. Kapasiti murid bagi setiap kelas adalah terhad kepada 20 hingga 25 orang kerana mata pelajaran ini berbentuk amali. Pemilihan sekolah dilakukan secara rawak dari senarai sekolah yang diperolehi daripada JPNM.

Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada tiga pemboleh ubah utama sahaja, iaitu peluang belajar, keterlibatan dan pencapaian murid dalam mata pelajaran KP. Pemboleh ubah peluang belajar terbatas kepada dua dimensi, iaitu strategi pengajaran dan kecukupan sumber pengajaran. Manakala, pemboleh ubah keterlibatan melibatkan dimensi tingkah laku, emosi dan kognitif. Pengumpulan data bagi pemboleh ubah peluang belajar dan keterlibatan menggunakan borang soal selidik. Manakala, pemboleh ubah pencapaian adalah berdasarkan keputusan SPM yang diperolehi daripada guru mata pelajaran KP di sekolah kajian. Oleh itu, kajian ini terbatas kepada pemboleh ubah yang dinyatakan sahaja.

1.8 Limitasi Kajian

Dapatan kajian terhad kepada populasi murid tingkatan lima di negeri Melaka sahaja kerana murid akan menghadapi peperiksaan SPM sebagai penentu pencapaian di peringkat sekolah menengah. Murid tingkatan lima lebih mempunyai peluang belajar dan keterlibatan semasa di dalam bilik darjah atau pun amali berbanding dengan murid tingkatan empat. Ini kerana tingkatan lima merupakan tahun kedua murid mempelajari mata pelajaran

KP ini. Oleh itu, penilaian terhadap peluang belajar dan keterlibatan lebih sesuai dijalankan kepada murid tingkatan lima berbanding tingkatan empat. Selain itu, pemilihan mata pelajaran KP juga dibuat kerana sejak dua tahun kebelakangan, peratus murid yang lulus dengan cemerlang adalah sedikit. Oleh itu, penyelidik ingin mengenal pasti faktor utama yang menyebabkan pencapaian mereka berada pada tahap yang rendah.

Penyelidikan juga menghadapi masalah dari segi masa menjalankan kajian. Pengedaran borang soal selidik dan pengumpulan data hanya dapat dijalankan pada bulan April 2011. Hal ini kerana pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) tidak membenarkan murid yang akan menduduki peperiksaan awam seperti SPM diganggu. Oleh itu, kajian ini mesti dilakukan sebelum bulan Mei 2011.

Selain itu, pemilihan negeri Melaka sebagai tempat kajian adalah disebabkan penyelidik mendapat maklum balas daripada penyelaras mata pelajaran KP bahawa peperiksaan percubaan SPM 2011 adalah setara untuk semua sekolah menengah akademik harian di Melaka. Namun, selepas data dikumpul, didapati bahawa soalan peperiksaan tersebut tidak setara bagi seluruh negeri Melaka. Justeru itu, penyelidik terpaksa menunggu dan menggunakan keputusan sebenar peperiksaan SPM 2011 untuk tujuan kajian ini.

Dalam kajian ini, penyelidik tidak menggunakan kandungan kurikulum sebagai dimensi dalam pemboleh ubah peluang belajar. Berdasarkan kajian lepas terdapat tiga dimensi utama dalam pemboleh ubah peluang belajar, iaitu kandungan kurikulum, strategi pengajaran dan sumber pengajaran. Namun, dalam kajian ini dimensi kandungan kurikulum tidak dikaji kerana kajian ini hanya melibatkan persepsi murid semata-mata sedangkan kandungan kurikulum lebih sesuai untuk ditanyakan kepada pihak guru. Selain itu standard yang ditetapkan dalam kandungan kurikulum adalah sama dan tidak berubah. Ujian dan peperiksaan yang dibuat berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP).

Kajian ini tidak melibatkan guru kerana setiap sekolah hanya mempunyai seorang sahaja guru yang mengajar mata pelajaran KP dan kajian ini melibatkan tujuh buah sekolah sahaja di Melaka. Sekiranya guru terlibat, maka sampel guru dalam kajian ini hanya tujuh orang sahaja. Oleh sebab itu, bilangan sampel seramai tujuh orang adalah tidak sesuai dijadikan pengukuran. Ini bersesuaian dengan tujuan kajian dijalankan, iaitu untuk mengenal pasti tahap dan hubungan pemboleh ubah kajian sahaja dan kajian yang lebih lanjut mungkin boleh dijalankan secara lebih mendalam dan melibatkan pihak guru.

1.9 Definisi Operasional

Berikut adalah definisi operasional bagi beberapa pemboleh ubah yang telah digunakan dalam kajian ini. Pemboleh ubah tersebut ialah peluang belajar, keterlibatan, mata pelajaran KP dan pencapaian.

1.9.1 Peluang Belajar

Peluang belajar adalah konsep yang menerangkan sesuatu yang berlaku di sekolah dan di dalam bilik darjah untuk menyokong pembelajaran dan perkembangan murid, terutamanya berkaitan dengan pencapaian murid (Blank, 1993). Banicky (2000) pula mendefinisi peluang belajar sebagai kualiti sumber, persekitaran sekolah, kurikulum, serta pengalaman pengajaran.

Mengikut Brewer dan Stacz (1996) peluang belajar terbahagi kepada tiga dimensi, iaitu kandungan kurikulum, strategi pengajaran dan sumber pengajaran. Kandungan kurikulum bermaksud kandungan atau topik yang didedahkan kepada murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, strategi pengajaran pula bermaksud jenis pengajaran dan pengalaman pengajaran yang disediakan untuk kejayaan murid. Sumber pengajaran terbahagi kepada dua, iaitu persediaan guru dan sumber bahan. Persediaan guru merujuk kepada pengalaman dalam pendidikan, jenis pengalaman, keterlibatan guru dalam perkhidmatan dan sikap guru itu sendiri. Manakala sumber bahan merujuk kepada bahan pengajaran seperti buku teks dan bahan rujukan tambahan, *hands on* dan alatan.

Dalam kajian ini, peluang belajar diukur menggunakan soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik berdasarkan beberapa hasil kajian pengkaji terdahulu (Yoon dan Resnick, 1998 & Brewer dan Stacz, 1996). Peluang belajar merujuk kepada dua dimensi sahaja, iaitu strategi pengajaran dan sumber pengajaran. Strategi pengajaran merujuk kepada persepsi murid tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran KP terhadap pengajaran dan pengalaman guru dan kemahiran yang dialami murid KP berkaitan masakan seperti mencipta dan membina resepi; pengagihan kerja dan pendedahan; bimbingan dan juga penyelesaian masalah.

Kecukupan sumber pengajaran pula merujuk kepada persepsi murid terhadap kecukupan bahan dan peralatan pengajaran dalam mata pelajaran KP sama ada semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah mahupun amali. Antaranya, seperti modul yang dibekalkan dan terkini; alatan memasak dalam keadaan yang baik, mudah dan boleh digunakan dan boleh diperolehi di unit sendiri; bahan rujukan disediakan dan terkini yang berkaitan dengan masakan. Dalam konteks kajian ini, perkataan kecukupan ditambah bagi menggambarkan bahan dan peralatan yang digunakan sentiasa mencukupi semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Sumber pengajaran merujuk kepada sumber bahan sahaja dan tidak mengambil kira persediaan guru kerana murid tidak mengetahui maklumat peribadi guru seperti pengalaman mengajar, jumlah perkhidmatan, penglibatan guru dan juga sikap guru itu sendiri. Jika penyelidik mengambil kira ini sebagai item dalam soal selidik, sudah pasti murid atau responden tidak dapat menjawab soal selidik dengan tepat.

1.9.2 Keterlibatan

Keterlibatan merujuk kepada interaksi fizikal dan psikologi yang diperlukan oleh murid untuk mendapatkan pengalaman pembelajaran (Astin, 1993). Mengikut pandangan Fredricks et al. (2004) dan Yazzie-Mintz (2007), pemboleh ubah keterlibatan terbahagi kepada tiga dimensi iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif. Dimensi tingkah laku merujuk kepada keterlibatan akademik dan bukan akademik atau aktiviti tambahan yang boleh memberi kesan positif kepada pencapaian dan mengelak berlakunya keciciran. Manakala keterlibatan emosi merangkumi reaksi atau perasaan murid terhadap guru, rakan-rakan, sekolah, kakitangan sekolah yang boleh mewujudkan hubungan dan kesanggupan dalam melakukan kerja. Keterlibatan kognitif pula ialah motivasi, usaha dan penggunaan strategi.

Dalam kajian ini, keterlibatan diukur menggunakan soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik berdasarkan beberapa hasil kajian pengkaji terdahulu (Fredricks et al., 2004; National Center for the School 2006 & Mo, 2008). Dalam konteks kajian ini keterlibatan tingkah laku merangkumi aktiviti dan tingkah laku murid tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran KP seperti mengikut dan mematuhi peraturan kelas, terlibat dalam pembelajaran dan tugas akademik iaitu berusaha, tekun, memberi perhatian, bertanya kepada guru dan berbincang semasa di dalam bilik darjah. Keterlibatan emosi merujuk kepada persepsi murid terhadap perasaan dan reaksi positif atau negatif terhadap guru, rakan-rakan, sekolah dan mata pelajaran KP sama ada di dalam bilik darjah atau pun semasa amali. Keterlibatan kognitif pula merujuk kepada persepsi terhadap usaha, motivasi dan strategi untuk menguasai mata pelajaran KP seperti dapat mengaitkan apa yang dipelajari, menonjolkan daya kreativiti, mendapat keputusan yang baik, menguasai kemahiran, menyiapkan tugas, bekerjasama dan bertanggungjawab.

1.9.3 Mata Pelajaran Katering dan Penyajian

Mata pelajaran KP merupakan salah satu mata pelajaran yang diletakkan di bawah bidang ERT dan telah diperkenalkan pada tahun 2002. Ia merupakan mata pelajaran elektif vokasional yang ditawarkan di sekolah menengah akademik. Mata pelajaran ini juga merupakan mata pelajaran amali yang berteraskan teknologi untuk murid tingkatan empat dan tingkatan lima. Dalam kajian ini, mata pelajaran KP merujuk kepada mata pelajaran yang diikuti oleh murid tingkatan lima di negeri Melaka dan telah menggunakan modul antara lima hingga sepuluh semasa kajian dijalankan. Matlamat mata

pelajaran ini bertujuan untuk melahirkan murid yang kreatif dan berkemahiran dalam bidang pengendalian dan penyajian makanan dengan mengamalkan budaya kerja yang baik dan selamat serta boleh menjalankan perniagaan sendiri atau berupaya menjadi penyumbang tenaga mahir di industri makanan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002)

1.9.4 Pencapaian

Pencapaian adalah hasil yang diperoleh oleh seseorang dalam sesuatu mata pelajaran. Prestasi pencapaian akademik seseorang murid itu sama ada baik atau tidak bergantung kepada peratusan markah yang diperoleh mereka. Dalam kajian ini, pencapaian merujuk kepada gred keputusan peperiksaan SPM tahun 2011 bagi mata pelajaran KP. Gred yang diperoleh oleh murid dinilai sebagai A+, A, A-, B+, B, C+, C, D, E dan G. Gred ini terbahagi kepada empat kategori, iaitu cemerlang (A+, A dan A-), kepujian (B+, B, C+ dan C), lulus (D dan E) dan gagal (G).

BIBLIOGRAFI

- Abdul Manaf Mohd Elias (2007). *"Forensik" terhadap proses pembelajaran dan faktor-faktor yang memberi impak terhadap prestasi akademik di kalangan pelajar-pelajar aliran teknikal di sekolah-sekolah menengah teknik di negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan.
- Abedi, J., Courtney. M., Leon. S., Kao, J., & Azzam. T. (2006). *English language learners and math achievement: A theory of opportunity to learn and language accomodation*. Technical Report 702: CRESST.
- Anderson, A. R., Christenson, S. L., Sinclair, M. F., & Lehr, C. A. (2004). Check & Connect: The importance of relationships for promoting engagement with school. *Journal of School Psychology, 42*, 95-113.
- Adzmi Yusoff (2003). *Kerberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran lukisan kejuruteraan bagi sub topik unjuran ortografik, pandangan isometrik dan oblik di sekolah menengah teknik pantai timur*. Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia. Tesis Sarjana Muda yang tidak diterbitkan.
- Ahamad Bin Sipon (2003). Educational strategies for the k-economy: Laying the foundation for a flexible and competent workforce. *Jurnal Pendidikan Teknikal, Jabatan Pendidikan Teknikal, 2*(1), 1-6.
- Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin dan Saifullizam Puteh. (2005). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai mata pelajaran kejuruteraan di Politeknik-politeknik kementerian pengajian tinggi malaysia. Prosiding Seminar pendidikan JPPG.
- Anderman, E. M. (2002). School effects on psychological outcomes during adolescence. *Journal of Educational Psychology, 94*, 795-809.
- Aniesah Salleh (2010). *Hubungan minat dan keterlibatan pelajar dalam kerja amali dengan pencapaian mata pelajaran pengeluaran tanaman*. Universiti Putra Malaysia, Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan.
- Anja, L., Croft., Zoghbi, S. (2008). *Women in engeneering at UBC: A case for support of networking activities*. Kertas kerja dibentangkan di 12th CCWEST Conference, Guelph, Ontario. May 2008.
- Astin, A.W. (1993). *What matters in college: Four critical years revisited*. San Francisco, CA: Jossey Bass.

- Astin, A. W. (1999). Student involvement: A developmental theory for higher education. *Journal of College Student Development*, 40(5), 518-29.
- Banicky, L. (2000). Opportunity to learn. Delaware education research and development center. College of Human Resources, Education, and Public Policy, University of Delaware. Diakses dari <http://www.rdc.udel.edu/>.
- Birch, S.H., & Ladd, G.W. (1997). The teacher-child relationship and children's early school adjustment. *Journal of School Psychology*, 35, 61-79.
- Black, P., & William, D. (1998). Inside the black box: raising standards through classroom assessment. *Phi Delta Kappan*, 80(2), 139-148.
- Blank, R.K. (1993). Developing a system of education indicators: Selecting, implementing, and reporting indicators. *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 15(1), 65-80.
- Boscardin, C.k., Christy, K., Aguirre-Munoz, Z., Stoker, G., Kim, J., Kim, M., & Lee, J. (2005). Relationship between opportunity to learn and student performance on english and algebra assessments. *Educational Assessment*, 10(4), 307-332. Diakses 28 Januari 2010 dari http://dx.doi.org/10.1207/s15326977ea1004_1
- Brewer, D.J., & Stacz, C. (1996). *Enhancing opportunity to learn measures in NCES data*. Santa Monica, CA: RAND.
- Broyles, T.M. (2004). *Curriculum and facilities for agricultural education: An agriscience approach*. Virginia Polytechnic Institute and State University. Career and Technical Education. Tesis Kedokteran yang tidak diterbitkan. Diakses 13 Desember 2012 dari http://scholar.lib.vt.edu/theses/available/etd_07022004162749/unrestricted/01facilitiesforaged.pdf
- Burris, S., Bednarz, A., & Frazee, S. (2008). Investigating student achievement in mathematics: The effect of an integrated agriculture and mathematics curriculum. Texas Tech University. From the Proceedings of the 2008 Western Region AAE Research Conference, Vol. 27.
- Chapman, E. (2003). Alternative approaches to assessing student engagement rates. *Practical Assessment, Research & Evaluation*. 8(13). Diakses dari <http://ericae.net/pare/getvn.asp?v+8&n=13>.
- Cochran, S.M., & Lytle, S.L. (1999). Relationship of knowledge and practise: Teacher learning in communities. *Research in Education*, 24, 249-306.

- Cohen, D., & Hill, H.C. (2000). Instructional policy and classroom performance: The mathematics reform in California. *Teachers College Record*, 102(2), 294-343.
- Collie-Patterson, J.M. (2000). *The effects of four selected components of opportunity to learn on mathematics achievement of Grade 12 students in New Providence, Bahamas*. Kertas kerja dibentangkan di Annual Meeting of the Mid-South Educational Research Association, Bowling Green, KY. November 2000.
- Connell, J., & Wellborn, J.G. (1991). Competence, autonomy, and relatedness: A motivational analysis of self-system process. In M.R. Gunnar & L.A. Sroufe (Eds.), *Self-process in development: Minnesota Symposium on Child Psychology*, 2, 167-216.
- Connell, J.P. (1994). Educational risk and resilience in African-American youth: Context, self, action, and outcomes in school. *Child Development*, 65(2), 493-506.
- Cooper, R., & Liou, D. D. (2007). The Structure and Culture of Information Pathways: Rethinking Opportunity to Learn in Urban High Schools during the Ninth Grade Transition. *The High School Journal*, 91(1), 43-56.
- Creswell, J. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Cueto, S., Ramirez, C., & Leon, J. (2006). Opportunity To Learn and Achievement in Mathematics in a Sample of Sixth Grade Students in Lima, Peru. *Educational Studies in Mathematics*, 62, 25-55.
- Davrajoo, E. (2007). *Kebimbangan matematik dan hubungannya dengan pencapaian pelajar tingkatan empat di daerah Klang, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia, Malaysia. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan.
- Dehyadegary, E. (2012). *Relationship between maternal factors, individual characteristics, and academic achievement among adolescents in Sirjan-Iran*. Universiti Putra Malaysia, Malaysia. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan.
- Diamond, M. (2007). *Vocational Students' Engagement and Career Objectives: Assesment og Engagement Processes in New Vicational Students*. University of Pittsburgh. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan.

- Fallon, C.M. (2010). *School factors that promote academic resilience in urban Latino high school students*. Layola University of Chicago, America. Tesis Kedokteran yang tidak diterbitkan.
- Farooq, M.S., Chaudry, A. H., Shafiq, M., & BerhanuG. (2011). Factors affecting students' quality of academic performance a case of secondary school level. *Journal of Quality and Technology Management*, 7(2), 1-14.
- Finn, J.D. (1989). Withdrawing from school. *Review of Educational Research*, 58, 117-142.
- Finn, J.D. (1993). *School engagement and students at risk*. Washington, DC: National Center for Education Statistics.
- Finn, J.D., & Voelkl, K. E. (1993). School characteristics related to student engagement. *Journal of Negro Education*, 62 (2), 249-268.
- Finn, J.D., & PannoZZo, G.M., & Voelkl, K.E. (1995). Disruptive and inattentive withdrawn behavior and achievement among fourth graders. *Elementary School Journal*, 95, 421-454.
- Finn, J.D., & Rock, D.A. (1997). Academic success among students at risk for school failure. *Journal of Applied Psychology*, 82, 221-234.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2007). How to design and evaluate research in education. New York, NY: McGraw-Hill. In Noraini Idris, Penyelidikan dalam Pendidikan (pp. 216-228). McGraw-Hill Education.
- Fredricks, J.A., Blumenfeld, P.C., & Paris, A.H. (2004). School engagement: Potential of the concept, state of the evidence. *Review of Educational Research*, 74(1), 59-109.
- Fullarton, S. (2002). Student engagement with school: individual and school-level influences. *LSAY Research Reports*. Longitudinal surveys of Australian youth research report; n.27 http://research.acer.edu.au/l say_research/31
- Furlong, M.J., Whipple, A. D., St. Jean, G., Simental, J., Soliz, A., & Puntana, S. (2003). Multiple contexts of school engagement: Moving toward a unifying framework for educational research and practice. *The California School Psychologist*, 8, 99-113.
- Furrer, C., & Skinner, E. A. (2003). Sense of relatedness as a factor in children's academic engagement and performance. *Journal of Educational Psychology*, 95, 148-162.
- Gau, S. (1997). *The distribution and the effects of opportunity to learn on mathematics achievement*. Kertas krja dibentangkan di annual meeting of the American Educational Research Association, Chicago, IL. 1997.

- George, D., & Malerry, P. (2001). *SPSS for windows step by step: A Simple Guide & Reference 10.0 Update*. (3rd edition). Boston: Allyn and Bacon.
- Goldhaber, D. (2002). The Mystery of Good Teaching: Surveying the Evidence on Student Achievement and Teachers' Characteristics. *Education Next*, 2(1), 50-55.
- Grant, L. W. (2006). *The Relationship Between Curriculum Alingment And Selected Mathematics Teacher Characteristics: An Apportunity To Learn Study*. The College of William and Mary. Tesis Kedokteran yang tidak diterbitkan.
- Grouws, D. A., & Cebulla, K. (2000). Improving Student Achievement in Mathematics. *Educational Practices Series*, 1, 1-46.
- Harris, L.R. (2008). A phenomenographic investigation of teacher conceptions of student engagement in learning. *The Australian Educational Researcher*, 5(1), 57-79.
- Hattie, J. (2009). *Visible Learning: A synthesis of over 800 meta-analyses relating to achievement*. London: Routledge.
- Herman, J. L., Klein, D. C., & Abedi, J. (2000). Assessing students' opportunity to learn: Teacher and student perspectives. *Educational Measurement, Issues and Practice*, 19(4), 16-24.
- Hong, E., Sas, M., & Sas, J. C. (2006). Test-Taking Strategies of High and Low Mathematics Achievers. *The Journal of Education Research*, 99(3), 144-145.
- Hu, Y. L., Ching, G. S., & Chao, P. C. (2012). Taiwan student engagement model: Conceptual framework and overview of psychometric properties. *International Journal of Research Studies in Education*, 1(1), 69-90.
- Hughes, J.N., & Luo, W., & Kwok, Q., & Loyd, L.K. (2008). Teacher-student support, effortful engagement, and achievement: A 3-year longitudinal study. *Journal of Educational Psychology*, 100, 1-14.
- Husen, T. (1967). *International study of achievement in mathematics*. A comparison of twelve countries. New York, Wiley.
- Isola, O.M. (2010). *Effects of standardized and improvised instructional materials students' academic achievements in secondary school physics*. University of Ibadan, Ibadan. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan.

- Jaafar, B.S. (2006). An Alternative Approach to Measuring Opportunity-to-Learn in High School Classes. *Alberta Journal of Educational Research*, 52(2), 107-126.
- Kilpatrick, J., J. Swafford, and B. Findell. 2001. *Adding it Up: Helping Children Learn Mathematics*. Washington DC: National Academy Press.
- Kindermann, T.A. (2007). Effects of naturally existing peer groups on changes in academic engagement in a cohort of sixth graders. *Child Development*, 78, 1186-1203.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2002). *Pelan induk mata pelajaran vokasional sekolah menengah harian bagi tahun 2002-2005*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). *Pembangunan pendidikan 2001-2010. Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*: A G Grafik Sdn. Bhd..
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2002). *Katering dan Penyajian, Huraian Sukatan Pelajaran*. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2005). *Pendidikan di Malaysia: Memartabatkan kecemerlangan pendidikan Negara*: Kuala Lumpur, pp. 45.47.
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundatios of Behavioral Researc*. Holt, Rinehart and Winston: New York.
- Khalid Mohamad Noor. (2005). *Belajar teknik belajar*. Bentong: PTS Publication Sdn. Bhd.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Kuh, G.D. (2008). *High impact educational practices: What they are, who has access to them, and why they matter*. Washington, DC: Association of American Colleges and Universities.
- Kuh, G. D. (2009). The national survey of student engagement: conceptual and empirical foundations. *New Directions for Institutional Research*, 2009, no. 141, 5-20. doi: 10.1002/ir.283. Diakses daripada http://iptest.tru.ca/__shared/assets/NSSE_Conceptual_and_Empirical_Foundations_Kuht23614.pdf
- Ladd, G.W. (1990). Having friends, keeping friends, making friends, and being liked by peers in the classroom: Predictors of children's early school adjustment? *Child Development*, 61(4), 1081-1100.

- Lembaga peperiksaan Malaysia. (2003). *Laporan Prestasi SPM 2003*. Katering dan penyajian 2: Halaman 140-145.
- Lauglo, J. (1988). *Vocationalizing Education an International Perspective*, London: Pergamons Books Ltd.
- Linnenbrink, E.A., & Pintrich, P.R. (2003). The role of self-efficacy beliefs in student engagement and learning in the classroom. *Reading and Writing Quarterly: Overcoming Learning Difficulties*, 19, 119-137.
- Malaysia. 2011. Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015.
- Marks, H.M. (2000). Student engagement in instructional activity: Patterns in the elementary, middle, and high school years. *American Educational Research Journal*, 37(1), 153-184.
- Martin, A., & Dowson, M. (2009). Interpersonal relationships, motivation, engagement, and achievement: Yields for theory, current issues, and educational practice. *Review of Educational Research*, 79(1), 327-365.
- Marzita Puteh. (2002). *Qualitative Research Approach Towards Factors Associated with Mathematics Anxiety*. Tanjung Malim: Sultan Idris Education University.
- McDonnell, L.M. (1995). Opportunity to learn as a research concept and policy instrument. *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 17(3), 305-322.
- Mere, K., Reiska, P., & Smith, T.M. (2006). Impact of SES on Estonian students' science achievement across different cognitive domains. *Prospects: Quarterly Review of Comparative Education*, 36(4), 497-516.
- Mereku, K.D. (2005). *Opportunity to learn: English and mathematics in Ghanaian primary schools (Basic Education Comprehensive Assessment System on behalf of GES and (RDD)*. Accra, Ghana: USAID.
- Meunier, R.A., Talbert, B. A., & Latour, M.A. (2002). Evaluation of The Incubators in The Classroom Program: Does it Increase Fourth Grade Students' Knowledge of Agricultural-Related Science Concepts?. *Journal of Agricultural Education*, 43 (2), 49-60.
- Mo, Y. (2008). *Opportunity to learn, engagement, and science achievement: evidence form TIMSS 2003 Data*. Faculty of the Virginia Polytechnic Institute and State University. Tesis Kedokteran yang tidak diterbitkan.
- Mo, Y., & Singh, K. (2008). Parents' relationships and involvement: Effects on students' school engagement and performance. *RMLE Online: Research in Middle Level Education*, 31(10), 1-11.

- Mohamed Rashid Nai Bax dan Mohd Nasir Hassan. (2003). *Refleksi terhadap pelaksanaan sistem pengajaran dan pembelajaran serta penilaian pendidikan teknik dan vokasional: Ke arah pengartikulasian yang sepadu*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional 2003. Kolej Tun Hussein Onn. 2003.
- Mohd Najib Abdul Aziz dan Nor Shafrin Ahmad. (2008). Kemahiran belajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik: Kajian di Daerah Kerian, Perak. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, 23, 29-47.
- Mohd Nasir Khalid (1997). *Faktor-Faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar di sekolah-sekolah Di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Nordin Abu Bakar, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim (2011). *Penilaian program mata pelajaran vokasional (MPV) bagi bidang pertanian di sekolah menengah harian di semenanjung Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Siswazah 151. 2011.
- Mohd Saufi Ab Rahman (2004). *Reaksi pelajar yang mengambil mata pelajaran vokasional (MPV) di sekolah menengah akademik di Negeri Terengganu*. Laporan Projek. Universiti Teknologi Malaysia. Malaysia.
- Mokhele, M. L. (2007). *Opportunity to learn environmental education: A case study of Mpumalanga Province*. Fakulti Pendidikan. University of Pretoria. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan.
- Mullis, R.L., Rathge, R., & Mullis, A.K. (2003). Predictors of academic performance during early adolescence: A contextual view. *International Journal of Behavioral Development*, 27, 541-548.
- Namlu, A. G. (2003). The effect of learning strategy on computer anxiety. *Computers in Human Behavior*, 19, 565-578.
- National Center for School Engagement (2006). *Quantifying school engagement*. Research Report: Colorado Foundation for Families and Children, Denver, CO.
- National Research Council and the Institute of Medicine. (2004). *Engaging Schools: Fostering High School Students' Motivation to Learn*. Board on Children, Youth, and Families, Division of Behavioral and Social Sciences and Education. Washington, DC: The National Academies Press.

- Netsai, C. B. (2011). *Investigating opportunities to learn grade ten algebra: Case studies of three catholic secondary schools*. University of South Africa. Tesis Kedoktoran.
- Newcomb, L. H., McCracken, J. D & Warmbrod, J. R. (2004). *Methods of teaching agriculture*: Prentice Hall PTR.
- Newmann, F. M. (1992). Higher-order thinking and prospects for classroom thoughtfulness. In F.M. Newmann (Ed.), *Students engagement and achievement in American secondary schools* (pp. 62-91). New York: Teachers College Press.
- Newmann, F. M., Wehlage, G. G., & Lamborn, S. D. (1992). The significance and sources of student engagement. In F. M. Newmann (Ed.). *Students engagement and achievement in American secondary schools* (pp. 11-39). New York: Teachers College Press.
- Norlizah Jantan (2004). *Faktor-faktor yang dapat meningkatkan minat pelajar terhadap bidang masakan dalam mata pelajaran kemahiran hidup bersepadu di tiga buah sekolah menengah daerah Jasin Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan.
- Nur Amirul Izaly (2003). *Penilaian pelaksanaan mata pelajaran vokasional katering dan penyajian di sekolah menengah akademik harian di negeri Johor dengan menggunakan Model CIPP*. Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan.
- Nurul Nadya Abu Bakar, Rohana Hamzah dan Amirmudin Udin. (2011). Cabaran-cabaran dalam pendidikan teknik dan vokasional dalam membangunkan sumber manusia. *Journal Edupres*, 1, 159-164.
- Ogbu, J. (2003). *Black American students in an affluent suburb: A study of academic disengagement*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Parson, J., & Taylor, L. (2001). *Student engagement: What do we know and what should we do?* University of Alberta: University Partners.
- Porter, A.C. (1991). Creating a system of school process indicators. *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 13(1), 13-29.
- Porter, A. C. (1995). The uses and misuses of opportunity-to-learn standards. *Educational Researcher*, 24(1), 21-27.
- Porter, A.C. (2002). Measuring the content of instruction: Uses in research and practice. *Educational Researcher*, 31(7), 3-14.

- Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). *Buku penerangan dan panduan penawaran mata pelajaran vokasional di sekolah menengah akademik harian*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Huraian sukatan pelajaran catering dan penyajian tingkatan empat dan lima*: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2003). *Laporan pelaksanaan mata pelajaran vokasional (MPV) 2003*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2006). *Program mata pelajaran vokasional*. Kementerian Pendidikan Malaysia, pp.1-9.
- Reeves, C., & Muller, J. (2005). 'Picking up the pace: Variation in the structure and organization of learning school mathematics.' *Journal of Education*, 37, 103-130.
- Ricketts, J.C., Duncan, D. W., & Peake, J. B. 2006). Science achievement of high school students in complete programs of agriscience education. *Journal of Agricultural Education*, 47(2), 48-55.
- Rohana Mohd Atan dan Shahrom Noordin. (2008). *Hubungan antara amalan kerja amali dengan pencapaian pelajar tingkatan empat dalam tajuk daya*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik di Universiti Teknologi Malaysia. 2008.
- Roshafiza Hassan (2011). *Hasrat terhadap perubahan dan amalan pengajaran guru di sekolah menengah harian kluster*. Universiti Putra Malaysia, Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan.
- Rumberger, R.W., & Thomas, S.L. (2000). The distribution of dropout and turnover rates among urban and suburban high schools. *Sociology of Education*, 73(1), 39-67.
- Sapora Sipon. 2001. *Stress dan Pencapaian Akademik Pelajar*. Buletin Psikologi 2000/2001. Universiti Malaysia Sabah.
- Sarimah Ismail dan Farawahida Yassin (2010). *Kekangan Pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. <http://eprints.utm.my/10497/>
- Sbrocco, R. (2009). *Student academic engagement and the academic achievement gap between black and white middle school students*. University of Minnesota. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan.

- Schreiber, J.B., & Chambers, E.A. (2002). "After-school pursuits, ethnicity, and achievement for 8th and 10th-grade students". *Journal of Educational Research*, 96, 90-100.
- Sciarra, D.T., & Seirup, H.J. (2008). The multidimensional of school engagement and math achievement among racial groups. *Professional School Counseling*, 11(4), 218-228.
- Schott Foundation. 2008. *An Opportunity for Every Child: Recommendations for Federal Action to Provide all Students a Fair and Substantive Opportunity to learn*. New York: Schott Foundation for education.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Skinner, E.A., Wellborn, J.G., & Connell, J.P. (1990). What it takes to do well in school and whether I've got it: A process model of perceived control and children's engagement and achievement in school. *Journal of Educational Psychology*, 82(1), 22-32.
- Stipek, D. (2002). Good instruction is motivating. In A. Wigfield & J. Eccles (Eds.), *Development of achievement motivation*. San diego, CA: Academic Press.
- Stewart, E.B. (2007). School structural characteristics, student effort, peer associations, and parental involvement. *Journal of education and urban society*, 40(2), 179-204.
- Tornroos .J. (2005). Mathematics Textbooks, opportunity to Learn and student Achievement. *Studies in Educational Evaluation*, 31, 315-327.
- Thompson, D. R., and S. L. Senk. (2009). *Documenting Curriculum Implementation: A Case Study from UCSMP Geometry*. Kertas kerja dibentangkan di Annual Meeting of the North American Chapter of the International Group for the Psychology of Mathematics Education. Diakses 6 June 2011 daripada http://www.allacademic.com/meta/p369720_index.html
- Trusty, J. (2000). High educational expectations and low achievement: stability of educational goals across adolescence. *Journal of Educational Research*, 93(6), 356-366.
- UNESCO and ILO (2002). *Technical and Vocational and Training for the twenty-first century*.
- Voelkl, K. E. (1997). Identification with school. *American Journal of Education*, 105, 204-319.

- Wallace, S. (2009). *A Dictionary of education*. Oxford: Oxford University Press.
- Wang, M.T., & Holcombe, R. (2010). Adolescents' perceptions of school environment, engagement, and academic achievement in middle school. *Journal of American educational research*, 147 (3), 633-662.
- Whitehead, T. (2006). *Educational risk factors for single and dual parent's household*. University Wichita, United State. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan.
- Wiersma, W. (2000). *Research in Education: An Introduction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Willms, J.D. (2003). *Student Engagement at School: A Sense of Belonging and Participation. Results from PISA 2000*. Paris: Organization for Economic Co-operation and Development (OECD).
- Winfield, L.F., & Woodard, M.D. (1994). Assessment, equity, and diversity in reforming America's schools. *Educational Policy*, 8(1), 3-27.
- Woessmann, L. (2004). *How equal are educational opportunities? Family background and student achievement in Europe and The US*. Cesifo Working Paper No. 1162 Category 4: Labour Markets University of Munich.
- Woolfolk A. (1988). *Educational Psychology. (8th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Yahya Bin Emat. (1993). Pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Yahya Bin Emat. (2005). *Pendidikan Teknik dan Vokasional Di Malaysia*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Yazzie-Mintz, E. (2007). *Voices of students engagement: A report on the 2006 High School Survey of Student Engagement*. Bloomington: Center for Evaluation & Education Policy, Indiana University.
- Yip, M. C. W. (2007). Differences in learning and study strategies between high and low achieving university students: A Hong Kong study. *Educational Psychology*, 25 (5), 597-606.
- Yoon, B., & Resnick. B.L. (1998). *Instructional validity, opportunity to learn and equity: New Standards Examinations for the California Mathematics Renaissance*. CRESST Graduate School of Education & Information Studies University of California, Los Angeles, 1998.

- Zahyah Hanafi (2008). The Relationship Between Aspects of Socio-Economic Factors and Academic Achievement. *Jurnal Pendidikan*, 33, 95-105.
- Zainudin Abu bakar dan Nor Hisham Muhamad Nor (2011). Pendekatan pengajaran guru dan kesannya terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran kemahiran hidup di Sekolah Menengah Kebangsaan Senai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Educational*, 3, 67-78.
- Zaiton Daud. (2005). *Keterlibatan pelajar dalam aktiviti kerja amali dan hubungannya dengan tahap pencapaian dalam menyelesaikan masalah fizik*. Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Koleksi Elektronik Pusat Sumber.
- Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim dan Roslina Abd. Talib. (2012). Hubungan antara minat, sikap dengan pencapaian pelajar dalam kursus CC301 – quantity measurement”, Prosiding Seminar Pendidikan 2012 (EduSem'12) Politeknik Port Dickson. (artikel yang tidak diterbitkan) Dicapai pada 15 Mei 2014. Dari <http://www.polipd.edu.my/v3/sites/default/files/1EduSem12.pdf>